KHAMIS 10 SEPTEMBER 2015 BIL: 294


# LENSA KAMPUS










*1. Pelajar jurusan Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia (USM) Abdul Aziz Norazizi, 19* ***mengetuai bacaan ikrar pelajar baharu USM*** *di Dewan Tengku Syed Putra USM.*

*2. Wajah ceria sebahagian pelajar baharu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ketika* ***menunggu sesi pendaftaran.***

*3.* ***Kasih sayang seorang ayah membantu anaknya memakai tali leher*** *pada sesi pendaftaran pelajar baharu USIM.*

*4. Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, selaku Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) (tiga dari kiri) memakaikan jaket UniMAP kepada seorang pelajar baharu sebagai* ***simbolik penyerahan pelajar daripada waris*** *pada program taklimat pelajar baharu di kampus Pauh Putra UniMAP.*

*5. Pelajar orang kelainan upaya (OKU) USIM, Muhammad Hadi Darus, 19,* ***dibantu petugas ketika sesi pendaftaran pelajar*** *baharu USIM.*

*6. Pelajar baharu UUM, Khor Joe Pei, 20, (bertali leher, tengah) ditemani neneknya Tan Kie Chee, 92, ketika* ***sesi pendaftaran di Dewan Penginapan Pelajar (DPP) TM,*** *sambil dibantu Pengetua DPP TM, Faisal Zulhumadi.*

*7. Pelajar baharu Universiti Utara Malaysia (UUM), Ahmad Afnan Irfan Ahmad Zukri (dua dari kanan) bersama isteri, Nurul Hasanah Salim (kanan) serta dua pelajar kembar, Mohamad Fazlan Mohd Wafat (dua dari kiri) serta adiknya Mohamad Fazwan* ***ceria selepas selesai mendaftarkan diri di Dewan Penginapan Pelajar (DPP) PETRONAS.***

*8.* ***Gelagat pelajar UniMAP*** *ketika menunggu sesi pendaftaran pelajar baharu.*

*9. Pelajar baharu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Nurkhairunnisa Abu Bakar (kanan)* ***sibuk mengemas barang bersama ibunya*** *selepas selesai sesi pendaftaran.*

*10. Pelajar baharu UniMAP* ***bersama waris masing-masing melawat gerai pameran*** *pada sesi pendaftaran pelajar baharu universiti itu.*

*11. Atlet paralimpik, Mohamad Firdaus Ngatiman, 22 (tengah) ditemani bapa, Ngatiman Semin dan ibu, Mardiah Arshad* ***mengisi borang pendaftaran pelajar baharu*** *Universiti Putra Malaysia (UPM).*

*12. Gelagat seorang* ***pelajar baharu USM*** *ketika sesi pendaftaran.*

*13. Pelajar baharu UPM dibantu ibu bapa* ***memunggah barang masing-masing.***




























